



**Buat Apa
Yang Betul.
Bersama-sama.**



Kod Kita

Kod Etika kita menjadi asas kepada komitmen John Matthey untuk Buat Apa yang Betul.

Kod Etika ini membimbing kita tentang cara untuk melakukan perniagaan dengan beretika, adil dan bertanggungjawab, serta menjelaskan cara melindungi pemilikan kita. Ia juga memastikan kita saling menjaga diri kita dan menanamkan kelestarian dalam segala-galanya yang kita lakukan.

Kod ini mencatat ciri-ciri tingkah laku yang baik serta membantu kita membuat keputusan yang beretika. Ia bukan sahaja relevan untuk rakan sekerja JM, tetapi juga kepada pihak berkepentingan kita, daripada pembekal dan pelanggan kepada rakan kongsi, ejen, pelabur serta komuniti yang lebih luas.

Ia membantu kita memastikan kita Buat Apa Yang Betul. Bersama-sama.



Komitmen kita
dan maksud Buat Apa
Yang Betul



Memahami cara untuk menggunakan Kod bagi membimbing kita membuat keputusan yang baik



Meminta bantuan apabila anda tidak pasti tindakan yang perlu dibuat



Suarakan jika anda ada kebimbangan yang serius

Gunakan bar navigasi ini untuk membawa anda ke halaman atau bahagian seterusnya



Memainkan peranan anda

Buat Apa Yang Betul menjadi dasar kepada segala-galanya yang kita lakukan di sini. Kita semua bertanggungjawab untuk bersikap dengan beretika, membuat keputusan yang baik, serta menggalas tanggungjawab – tanpa mengira apa juu peranan kita.

Budaya yang beretika membuat kita bangga dengan diri kita dan tempat kerja kita. Ia menjadikan kita lebih kuat dan berdaya tahan, dan ia menjadi bahagian penting dalam kejayaan kita yang berterusan.

Liam Condon
Ketua Eksekutif



Nilai kita adalah asas kepada budaya kita



Bertindak dengan berintegriti

Buat Apa yang Betul melalui perkataan dan tindakan – sekalipun tiada sesiapa yang melihat. Bersikap jujur, adil dan sopan.



Melindungi manusia dan bumi ini

Mengamalkan standard kesihatan dan keselamatan tertinggi, menggalakkan kesejahteraan dan melindungi bumi kita.




Bekerjasama

Menggalakkan kerjasama di dalam dan di luar JM, berkongsi dan meraikan sudut pandangan yang pelbagai, melayan orang lain dengan penuh hormat dan peduli.



Mencipta dan menambah baik

Mengguna pakai dan meraikan idea baharu, berkeyakinan dan berdaya tahan melalui perubahan; memimpin dalam pasaran pilihan kita.



Bertanggungjawab atas perbuatan kita

Menggalas tanggungjawab atas kerja kita sendiri dan meminta standard yang tinggi daripada diri kita dan rakan sekerja kita

Kita boleh memastikan kita bersikap mengikut cara yang selari dengan nilai kita apabila mematuhi Kod Etika kita.

Nilai ini membantu untuk mentakrifkan cara kita bekerja dan cara nilai ini ditunjukkan dalam cara

kita melakukan sesuatu apabila kita dalam keadaan terbaik.

Ia menjadi asas kepada budaya Johnson Matthey, personaliti syarikat kita serta menetapkan perkara yang penting kepada kita.

Komitmen Kod kita

Komitmen Kod kita menyokong nilai kita. Ia membantu kita mentakrifkan tempat kerja yang kita semua mahu bekerja dan menyoroti prinsip setiap hari yang penting kepada pekerjaan kita.

Komitmen kita adalah:

Tuding di atas ikon untuk mengetahui tentang setiap komitmen.

Menggunakan Kod untuk membimbing dalam membuat keputusan

Membuat keputusan yang baik dan beretika adalah penting dalam peranan kita di JM, dan alat membuat keputusan kita boleh membantu kita membimbing dalam membuat keputusan yang sukar yang mungkin menghalangi kita.




Membuat keputusan yang baik



Anda diamanahkan untuk membuat keputusan yang baik di JM.

Namun, kadangkala, anda mungkin berdepan dengan keputusan yang sukar apabila tidak jelas dalam menentukan tindakan yang tepat perlu dibuat. Anda patut berhenti, fikirkan dengan jelas tentang masalah itu dan rujuk alat membuat keputusan kita dalam contoh-contoh ini (lihat halaman 8). Jika anda masih tidak pasti, minta bantuan.

Anda tidak perlu membuat keputusan yang sukar sendiri atau tanpa sokongan.



Latihan Kod Etika dalam talian
tahunan kita menyediakan kemahiran,
ilmu pengetahuan dan keyakinan
kepada anda untuk membuat pilihan
yang baik dan beretika. Pastikan anda
melengkapkan latihan anda apabila ia
masuk ke peti mel anda.


Alat membuat keputusan

Alat membuat keputusan kita direka untuk membantu anda jika anda berdepan dengan keputusan yang sukar.

Pertimbangkan dilema atau keputusan yang beretika yang perlu anda buat. Kemudian tanya...



Mengapakah mungkin orang baik melakukan perbuatan yang salah?



Jika anda melihat seseorang bersikap tidak sopan, tarik perhatian dan Suarakan melalui mana-mana saluran kita. Kita mempunyai dasar tolak ansur sifar untuk tindakan balas.

Orang yang baik mungkin melakukan perbuatan yang salah atas pelbagai sebab:

Tuding di atas setiap sebab di bawah untuk mengetahui lebih lanjut.

Meminta bantuan, membangkitkan kebimbangan

Jika anda melihat atau mendengar sesuatu yang nampak tidak betul, atau jika anda membuat kesilapan, sentiasa lebih baik meminta bantuan daripada berdiam diri.

Terdapat beberapa cara untuk anda melakukan ini...



Anda boleh...



Bercakap dengan pengurus

Pengurus anda ialah orang pertama perlu didekati jika anda ada sebarang persoalan, memerlukan nasihat lanjut atau mahu membangkitkan kebimbangan. Jumpa pengurus atau ketua lain jika anda berasa tidak selesa bersuara sendirian.



Cari Duta Etika tempatan anda

Duta Etika kita bersedia untuk membimbing anda mengikut arah yang betul dan menjawab sebarang soalan yang dibangkitkan tentang Kod dan bertindak dengan beretika. Untuk mencari duta tempatan anda, cari 'Duta Etika' di myJM.



Hubungi pasukan HR atau Perundangan

Tanya soalan, minta nasihat atau bangkitkan kebimbangan secara terus kepada pasukan HR atau Perundangan.



Suarakan

Suarakan tentang kebimbangan yang serius melalui saluran Suarakan. Ketahui lebih lanjut dalam halaman 14.

Rangkaian Duta Etika kita bersedia untuk membantu

Kita mempunyai rangkaian global Duta Etika yang sudah mantap. Para duta ini datang daripada pelbagai cabang perniagaan, secara sukarela meluangkan masa mereka untuk membantu anda menanamkan Kod Etika di seluruh JM.

Duta Etika ialah orang hubungan tempatan anda yang patut dihubungi jika ada sebarang pertanyaan atau kebimbangan. Mereka boleh memberikan petunjuk kepada sumber selanjutnya atau mencadangkan individu yang patut dihubungi jika kebimbangan anda perlu dipanjangkan.

Kita mempunyai Duta Etika di kebanyakan tapak JM. Untuk mencari duta tempatan anda, cari 'Duta Etika' di myJM.



**"Dengan lebih 100 Duta Etika,
kita sangat arif dengan tapak-
tapak kita. Sila beritahu kita
cara kita boleh membantu
anda jika anda ada sebarang
pertanyaan atau kebimbangan
tentang tingkah laku beretika
dan Buat Apa yang Betul."**



Adakah anda tahu...

Jika anda ada sebarang kebimbangan berkaitan interaksi rakan sekerja atau keadaan pekerjaan, anda boleh merujuk **Dasar Bekerja Bersama** untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan lanjut.

Memanggil semua pengurus pekerja



Jika anda seorang pengurus pekerja, anda mempunyai tanggungjawab khusus untuk menggalakkan tingkah laku yang beretika dan memastikan rakan sekerja sentiasa buat apa yang betul.

Anda hendaklah:

- Menjadi model peranan dengan bertindak secara konsisten dengan Kod Etika kita dan menghormati nilai-nilai kita.
- Pasukan anda mesti bertanggungjawab atas tingkah laku yang tidak konsisten dengan Kod kita.
- Menyampaikan maklumat secara kerap kepada pasukan anda berkaitan maksud But Apa Yang Betul – termasuk contoh-contoh khusus.
- Jangan sesekali menjauhkan diri daripada perbualan sukar.
- Menyertai demi pasukan anda, untuk mendengar dan menawarkan bimbingan.
- Mencipta persekitaran yang selamat untuk ahli pasukan membangkitkan keimbangan.
- Menunjukkan tolak ansur sifar untuk tindakan balas.
- Memastikan pasukan anda melengkapkan latihan Kod Etika tahunan.

Suarakan kebimbangan yang serius

Adakalanya, anda melihat, mendengar atau mengesyaki tingkah laku yang tidak selamat, tidak beretika atau dilarang undang-undang, atau tidak sejajar dengan Kod, dasar atau prosedur kita.

Dalam situasi ini, Suarakan.




Cara untuk Suarakan

Cara untuk Suarakan

Anda boleh membangkitkan kebimbangan serius melalui saluran Suarakan kita, yang boleh diakses di speakup.matthey.com atau dengan mengimbas kod QR di bawah.



Kita sentiasa mengesyorkan agar anda berbincang dengan pengurus anda dahulu tentang sebarang kebimbangan serius yang anda perlu bangkitkan. Namun, kita memahami bahawa kadangkala ini mungkin sukar. Sebab itulah kita mewujudkan saluran Suarakan, iaitu perkhidmatan telefon dan dalam talian sulit yang dihoskan secara bebas daripada JM.



Jangan tunggu

Lebih awal anda Suarakan, lebih cepat masalah boleh diselesaikan. Jangan tunggu sehingga masalah terjadi atau berharap pada orang lain untuk Suarakan. Setelah dibangkitkan, kita berusaha keras untuk memastikan semua isu yang disuarakan ditangani dengan segera dan teliti.



Kerahsiaan dan ketanpanamaan


Apabila anda Suarakan, maklumat yang anda sediakan akan ditangani secara sulit. Kita memahami dalam situasi tertentu, anda mungkin berasa tidak selesa membangkitkan kebimbangan secara terbuka. Oleh itu, anda boleh membangkitkan Suarakan secara tanpa nama, jika dizinkan secara sah.

Kita tidak pernah membenarkan tindakan balas



Ingat, bersuara tidak selalunya mudah, namun ia perkara yang tepat perlu dilakukan.

Kita menggalakkan anda untuk Suarakan dengan penuh percaya dan kita akan melindungi pekerja yang berbuat demikian. Sebarang dakwaan tindakan balas terhadap mereka yang Suarakan akan dianggap sangat serius. Tindakan disiplin, termasuk penamatkan pekerjaan, akan diambil jika terbukti berlaku tindakan balas.



Suarakan adalah untuk semua. Sama ada anda ialah pekerja, rakan kongsi, pembekal, pelanggan, kontraktor, ejen atau ahli rantai nilai JM yang lain.



Untuk mendapatkan bimbingan penuh tentang proses Suarakan, sila rujuk **Dasar dan Bimbingan Suarakan JM**.



**Buat Apa Yang Betul.
Bersama-sama.**